

PM yakin BN dapat pertahan Perlis
Utusan Online
Januari 28, 2012

ARAU 27 Jan. – Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak yakin hubungan mesra dan semangat perpaduan yang ditunjukkan oleh pemimpin UMNO akan membolehkan Perlis terus dikuasai Barisan Nasional (BN) pada Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU-13) akan datang.

Menurut beliau, hubungan baik para pemimpin berkenaan juga akan dapat menguatkan lagi sokongan rakyat terhadap BN.

“Insyallah, nampak kemesraan yang ditunjukkan oleh ketiga-tiga pemimpin di negeri ini, sehubungan itu saya percaya tidak ada sebab kita tidak dapat mempertahankan Perlis,” katanya pada sidang akhbar di sini hari ini.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0128&pub=Utusan_Malaysia&sec=Politik&pg=po_05.htm